

## **BAB V**

### **PENUTUP**

Pencapaian ekonomi Aceh yang hancur setelah gempa bumi dan gelombang tsunami tanggal 26 Desember 2004 telah menjadi program penting yang perlu di bangunkan. Oleh itu, kerajaan harus memperhatikan dan membina semula masyarakat yang ingin melakukan pemulihan ekonomi mereka. Membantu masyarakat dalam mencapai peningkatan ekonomi haruslah melibatkan semua pihak, sama ada kerajaan dan NGO yang mempunyai matlamat yang selari dengan kehendak masyarakat tersebut. Salah satu institusi koperasi syariah yang mengambil peduli terhadap hal ini adalah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh (BQ-BIMA Banda Aceh). Dimana dalam mencari jalan keluar dari permasalahan tersebut BQ-BIMA membentuk sebuah program pembangunan ekonomi masyarakat yang bermatlamatkan mengurangi kemiskinan khususnya di Banda Aceh dan Aceh Besar dengan memberikan pembiayaan. Dimana dalam disertasi ini ingin mengetahui dan menganalisis bentuk pembiayaan, nilai-nilai syariah dan pengaruh terhadap peningkatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Juga peneliti ingin mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam program yang dilaksanakan. Hasil daripada kajian peneliti memberikan beberapa rumusan, kesimpulan dan cadangan-cadangan yang membangun terhadap pelaksanaan program ini.

#### **5.1 Rumusan**

##### **5.1.1 Prinsip Operasi Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat**

Program pembangunan ekonomi masyarakat yang dilaksanakan harus diselarikan dengan Prinsip BQ-BIMA Banda Aceh yang merupakan institusi kewangan syariah. Ke bersesuaian ini perlu hingga dapat memberi kesan kepada masyarakat Banda Aceh dan Aceh Besar. Hasil dapatan kajian dalam pelaksanaan program ini terdapat lima prinsip.

*Pertama* prinsip tolong-menolong (*tāawun*), BQ-BIMA Banda Aceh sebagai institusi syariah menjadi penengah antara penabung (pemberi modal) dengan pelanggan yang berupa ahli dalam pengelolaan modal untuk membuat pekerjaan yang akan mendapatkan keuntungan. *Kedua* prinsip perniagaan (*tijārah*), prinsipnya ialah sama-sama mencari keuntungan dengan cara mengamalkan akad-akad syariah. Pengamalannya ialah dengan cara memberi pembiayaan dalam perdagangan dan perusahaan keluarga. *Ketiga* prinsip menghindari penimbunan wang (*iktinaz*) berasaskan kepada pelarangan menyimpan harta dan tidak dimanfaatkan untuk bernilai produktif. Maka BQ-BIMA Banda Aceh mencuba mencari ahli-ahli untuk menabung wang yang akan diagihkan kepada masyarakat secara berkesan, produktif dan memberikan keuntungan. *Keempat* pelarangan *riba*, sebagai institusi syariah sudah semestinya menghindarkan setiap transaksi ekonomi dan perniagaan dari unsur *riba* dan menggantikannya melalui mekanisme kerja sama dengan perkongsian untung dan rugi dan sistem jual beli (*al-Bay'*). *Kelima* anjuran membayar zakat, dalam program BQ-BIMA Banda Aceh mewajibkan zakat kepada ahli yang terlibat dalam program pembangunan ekonomi masyarakat. Institusi ini juga berfungsi sebagai institusi sosial yang dibenarkan undang-undang sebagai amil zakat.

Bersesuaian dengan prinsip syariah dalam transaksi program pembangunan ekonomi masyarakat menggunakan akad-akad syariah. Akad-akad yang akan dilaksanakan di antaranya ialah *mudārabah*, *mushārahah*, *murābahah*, *al-bay' bithaman ājil (BBA)*, *Qard al-Hasan*, dan *al-Ijārah*. Hasil dari kajian peneliti terhadap akad-akad syariah peneliti mendapati akad yang paling banyak diamalkan ialah akad *Murābahah*. Amalan akad *Murābahah* ini baik untuk BQ-BIMA Banda Aceh, tetapi untuk perkembangan institusi ini di masa hadapan akad-akad lain juga perlu dimaksimumkan sehingga boleh berkembang dan bersaing dengan institusi kewangan lainnya apalagi dengan institusi kewangan konvensional. Kesulitan dalam mengamalkan akad-akad lain

seperti *al-mudārabah* dan *al-Mushārah* sememangnya perlu sistem yang lebih bagus dan perlu pengawasan yang lebih berkesan. BQ-BIMA Banda Aceh juga perlu membenahan lebih maksimum dengan meningkatkan sistem pendampingan dan kawalan bagi memastikan boleh berjalannya akad-akad syariah lainnya di masa hadapan. Hasil dari huraian di atas tentang prinsip syariah peneliti menyimpulkan penerapannya bersesuaian dengan prinsip-prinsip dilihat dari segi matlamat dan akad-akadnya.

### **5.1.2 Pembiayaan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat**

Program ini akan membantu usahawan-usahawan sederhana dan kecil dengan memberikan pinjaman dan pendampingan. Didapati pelaksanaan program ini dilaksanakan di Banda Aceh dan Aceh Besar yang diagihkan kepada para peniaga dan usaha perusahaan keluarga. Pembinaan perniagaan merupakan pembiayaan yang diagihkan kepada peniaga kecil dan sederhana. BQ-BIMA Banda Aceh memilih peniaga ini kerana melihat yang sangat memerlukan pembiayaan ialah para pedagang khususnya yang ada di pasar-pasar yang ada di Banda Aceh. Seterusnya Pembiayaan Perusahaan Keluarga (*home industry*), pembiayaan untuk perusahaan keluarga yang diagihkan ialah usaha yang sedang dijalankan dan yang belum dilaksanakan. Bagi usaha yang belum ada usahanya tentunya BQ-BIMA Banda Aceh akan menilai lebih selektif bagi menghindari terjadinya kesulitan pulangan modal.

Kerana pembiayaan yang diberikan dalam program pembangunan ekonomi masyarakat BQ-BIMA Banda Aceh mengandung risiko yang sangat besar. Di mana BQ-BIMA Banda Aceh mengagihkan pembiayaan kepada pelanggan dengan menetapkan prosedur bagi mengenal pasti ahli yang akan diberikan pembiayaan. Prosedur ini akan diperlakukan dengan 6 (enam) cara pemeriksaan tentang ahlinya. *Pertama* mengetahui maklumat tentang calon penerima pembiayaan dengan cara menghimpun maklumat tentang calon sama ada dari pada saudara mara, kerabat dan kawasan dia tinggal. *Kedua* mengetahui kemampuan para ahli dalam berbuat usaha atau

berbuat kerja. *Ketiga* modal, modal dapat dilihat dengan memeriksa laporan kewangan untuk mengetahui keadaan kewangan. *Keempat* keadaan ekonomi, keadaan yang merupakan keadaan yang tempatan untuk melihat ke bersetujuan dalam penerapan program usaha. *Kelima* Jaminan, iaitu merupakan harta benda yang di miliki atau ada orang yang memberikan jaminan. *Keenam* Penerapan akad fiqah yang tepat, bersetujuan dengan prinsip BQ-BIMA Banda Aceh penerapan transaksi mengamalkan akad-akad syariah.

### **5.1.3 Analisis Peranan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat Terhadap Peningkatan Pendapatan Ekonomi, Pendidikan dan Kesihatan.**

Analisis tentang sumbangan program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh terhadap peningkatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan yang didapati dari jadual-jadual yang telah diuraikan pada bab empat. Sebagai ukuran peningkatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan diambil kira daripada terjadinya peningkatan selepas menerima pembiayaan yang diagihkan berbanding sebelum menerima pembiayaan kepada para ahli.

Hasil analisis tentang peningkatan ekonomi didapati dari beberapa jadual pada tentang keuntungan usaha, kawasan pemasaran, amalan pakaian baru dalam setahun, penggunaan memasak dan peralatan rumah mengalami peningkatan selepas menerima pembiayaan. Hanya pada jadual pada penggunaan kenderaan yang tidak nampak mengalami peningkatan selepas menerima pembiayaan. Secara purata pada peningkatan ekonomi mengalami peningkatan selepas menerima pembiayaan berbanding sebelum pembiayaan.

Daripada sektor pendidikan didapati dari beberapa jadual yang menunjukkan tentang terjadi peningkatan selepas menerima pembiayaan berbanding sebelum menerima pembiayaan. Hal ini didapati kerana terjadi peningkatan pada jadual pada bab empat tentang kemampuan menyekolahkan anak, tempat belajar tambahan anak, tempat

mengaji anak, kekerapan belanja pakaian sekolah dalam setahun dan kelengkapan alat tulis dan membaca.

Begitu juga dengan sektor kesihatan didapati bahawa terjadi peningkatan sesudah menerima pembiayaan berbanding sebelum menerima pembiayaan pada kekerapan makan nasi dalam sehari semalam, makan ikan dalam seminggu, makan daging dalam sebulan, minum susu sehari semalam, penggunaan air minum, penggunaan air mandi dan tempat berubat. Sementara hanya terdapat pada penggunaan tandas yang tidak meningkat. Oleh itu, peneliti mengambil kesimpulan bahawa dalam sektor kesihatan secara purata mengalami peningkatan.

#### **5.1.4 Cabaran-cabaran yang di hadapi Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh**

Mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi didapati ada dua jenis cabaran yang terjadi pada BQ-BIMA Banda Aceh iaitu cabaran dalaman dan luaran. Cabaran dalaman didapati berupa cabaran kurang kualiti tenaga pekerja. Hal ini disebabkan oleh pengalaman dan kemahiran di bidang masing-masing. Selanjutnya terdapat adanya pekerja keluar dari BQ-BIMA apabila mendapati pekerjaan yang lebih baik dan juga tidak sesuai dengan sijil yang dimiliki.

Begitu juga halnya seperti cabaran luaran, didapati banyaknya persaingan antar institusi kewangan mikro syariah dan konvensional yang boleh menyebabkan tekanan BQ-BIMA harus membaiki pekhidmatnya. Selanjutnya terdapat ahli yang menerima pembiayaan modal tidak jujur yang tidak mahu mengembalikan modal. Juga masih terdapat kurangnya pemahaman tentang akad syariah yang di amalkan di BQ-BIMA Banda Aceh sehingga masih ada yang beranggapan bahawa BQ-BIMA menjalankan operasi dengan sistem konvensional.

## **5.2 Cadangan-cadangan**

Bagi memperkembangkan fungsi dan orientasi pengembangan program pembangunan ekonomi di Baitul Qiradh dan Koperasi Syariah atau yang serupa dengan institusi tersebut maka berikut ini penulis menyarankan beberapa cadangan dan rekomen dari sebagai kelanjutan pengembangan program ini.

### **5.2.1 Pembiayaan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat**

Terhadap pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat yang dilaksanakan pada BQ-BIMA Banda Aceh. Perlu melakukan pengembangan pembiayaan dan dijalankan secara berterusan. Dari hasil penelitian yang penulis lakukan didapati program ini berkesan pada masyarakat Banda Aceh dan sekitarnya. Oleh itu, pengembangan yang semestinya dikembangkan di masa hadapan ialah berupa memperbanyak jenis pembiayaan modal, seperti pembiayaan kepada petani, pelaut, tukang becak, dan usaha-usaha lainnya. Pembiayaan tersebut tidak hanya terbatas pada perniagaan dan usaha keluarga.

### **5.2.2 Pendampingan dan Pengawasan di Baitul Qiradh**

Baitul Qiradh dan Koperasi Syariah atau yang serupa dengannya dan Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh khasnya perlu melakukan pendampingan dan pengawasan yang bersesuaian. Pendampingan dan pengawasan ini sangat diperlukan bagi melancarkan usaha para ahli supaya dapat mencapai matlamatnya. Pendampingan dan pengawasan ini boleh dilakukan dengan cara memantau dan membina atau melatih para ahli secara berkesinambungan. Khasnya bagi melatih para ahli yang perlu didahulukan ialah mereka yang masih kurang mahir dalam usahanya dan harus dipantau setiap minggu. Begitu juga dalam pelaksanaan program pembangunan ekonomi masyarakat diperlukan keberterusan melakukan pengawalan, pemantauan, pendampingan dan

pelatihan kemahiran. Selain dari itu perlu juga membuat jaringan dengan pedagang-pedagang dan perusahaan-perusahaan yang boleh menampung hasil perusahaan keluarga dalam skala kecil.

### **5.2.3 Perlunya Pembinaan Kapasiti Dalaman**

Sesuai dengan cabaran dalaman yang dihadapi BQ-BIMA Banda Aceh dalam pelaksanaan program pembangunan ekonomi masyarakat ialah cabaran yang berupa kurangnya SDM yang memadai bagi pekerja. SDM yang diperlukan iaitu perlunya pengalaman dan kemahiran dalam pelaksanaan program-program yang sama dengan program pembangunan ekonomi masyarakat. Kemahiran dan pengalaman ini perlu dibina dan dilatih bagi tercapainya matlamat yang diinginkan. Melatih kemahiran dan pengalaman boleh dilakukan pada BQ-BIMA Banda Aceh sendiri atau perlu di magang di institusi kewangan lainnya yang lebih bagus daripada BQ-BIMA Banda Aceh. Selain itu perlu juga dibuat pelatihan-pelatihan bagi memantapkan kemahiran staf untuk mendukung proses berjalannya program-program di BQ-BIMA Banda Aceh. Dengan adanya pelatihan-pelatihan tentang wawasan dan kemahiran dalam pentadbiran dan pelaksanaan ditambah lagi dengan pemagangan- pemagangan staf pada institusi yang lainnya diyakini BQ-BIMA Banda Aceh akan lebih berkembang di masa hadapan.

### **5.3 Kesimpulan**

Salah satu institusi yang memberi peranan setelah musibah gempa bumi dan tsunami di Aceh ialah BQ-BIMA Banda Aceh. Institusi ini telah menganjurkan program pembangunan ekonomi masyarakat yang bermatlamat untuk pemulihan ekonomi. Selari dengan matlamat di atas program ini akan di khaskan kepada masyarakat yang memerlukan modal dalam bidang perniagaan dan perusahaan keluarga yang berkedudukan di Banda Aceh dan Aceh Besar. Pembiayaan yang akan disalurkan dalam

program ini dengan menggunakan sistem syariah, ini disebabkan BQ-BIMA Banda Aceh merupakan istitusi mikro syariah. Berjalannya program ini diharapkan benar-benar menjadi peluang bagi masyarakat yang ingin berusaha untuk meningkatkan taraf ekonomi yang lebih baik. Walaupun demikian dalam pelaksanaan program tersebut mestilah terjadi pelbagai cabaran yang harus dihadapi agar mencapai kejayan di masa hadapan.

Melalui penyelidikan yang telah dijalankan terhadap program pembangunan ekonomi masyarakat yang di laksanakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh maka peneliti menilai bahawa dalam amalan prinsip syariah sudah bersesuaian. Ini ditunjukkan dalam pelaksanaan menggunakan sistem perkongsian untung dan rugi untuk menghindari riba. Selain dari itu juga menggunakan akad-akad syariah yang bersesuaian dengan jenis pembiayaan. Begitu juga dengan pembiayaan modal yang di agihkan kepada masyarakat yang dapat dikalaskan sebagai perniagaan dan perusahaan keluarga. Dalam penyalurannya akan dilakukan pendampingan dengan memberikan nasihat-nasihat agar usaha yang dijalankan bersungguh-sungguh dan dapat mengembalikan modal. Pendampingan ini juga akan membantu para ahli dalam mentadbir usaha dan memberikan pemahaman tentang masalah pembukuan kewangan. Selain itu juga akan selalu terpantau, terbina dan dilatih agar terhindar dari resiko kerugian dan kecuaiian.

Pelaksanaan program ini juga akan memberi kesan terhadap peningkatan kualiti hidup pada ahli yang diagihkan pembiayaan. Dari hasil penyelidikan terdapat peningkatan pada pendapatan ekonomi, kesihatan dan pendidikan sesudah menerima pembiayaan berbanding sebelum menerima pembiayaan. Maka peneliti mengambil kesimpulan secara purata terdapat peningkatan terhadap kualiti hidup. Walaupun adanya peningkatan dan sesuai dilaksanakan program ini, dalam perjalanannya banyak terdapat pelbagai cabaran baik dalaman mahupun luaran. Cabaran dalaman yang paling

mendasar ialah cabaran kurangnya modal insan yang baik sehingga dapat berpengaruh terhadap proses dalaman. Begitu juga dengan cabaran luaran banyak didapati banyaknya persaingan antara institusi.

Peningkatan dan kesesuaian dalam pelaksanaan program pembangunan ekonomi masyarakat bukan berarti dapat mempengaruhi peningkatan perekonomian masyarakat Aceh secara umum, akan tetapi ini hanya pada sebahagian kecil daripada masyarakat Banda Aceh dan Aceh Besar sahaja. Oleh itu, program-program seperti ini perlu dilanjutkan dan disokong oleh mana-mana pihak, sama ada pihak kerajaan mahupun dari institusi-institusi swasta.